16.1 Penyebut Harga yang menghantar Dokumen Sebut Harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (seperti di **Lampiran K**) bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil Penyebut Harga yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak Penyebut Harga.

16.2 Penyebut Harga yang berjaya akan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya (seperti di **Lampiran L**) bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Penyebut Harga



yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak Penyebut Harga.

17. MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN

Penyebut Harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum Sebut Harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Sebut Harga dipertimbangkan atau tawaran dibuat.

18. TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Tempoh sah laku Sebut Harga ini adalah selama 90 hari bermula daripada tarikh Sebut Harga ditutup. Tempoh ini boleh, dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

19. KONTRAK

- 19.1 Penyebut Harga yang berjaya adalah diwajibkan mengikat suatu kontrak dengan CMI.
- 19.2 Syarat-syarat dalam Sebut Harga dan syarat-syarat dalam Surat Tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

20. PENAMATAN PERKHIDMATAN

- 20.1 Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya CMI boleh terus menamatkan perkhidmatan Penyebut Harga:
 - i. Jika Penyebut Harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam tawaran ini;
 - ii. Jika Penyebut Harga (Kontraktor) itu sebagai orang perseorangan atau apabila Kontraktor itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan / atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika Kontraktor itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada makamah membuat sesuatu perintah penggulungan; **atau**



- iii. Jika CMI mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebut Harga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebut Harga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan perkhidmatan ini tidak menyentuh hak-hak CMI untuk mendapatkan balik ganti rosak.

21. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara CMI dengan Penyebut Harga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara CMI dengan Penyebut Harga, dirujuk kepada penimbang tara dua pihak yang dilantik iaitu lantikan oleh CMI dan lantikan oleh Penyebut Harga. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

22. IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh CMI terlebih dahulu.

23. INSURANS

Sebelum memulakan kerja yang dipersetujui, Kontraktor hendaklah di atas kos dan perbelanjaannya sendiri, telah mengambil insurans-insurans, dipihaknya perlu mengambil demi menjaga kepentingannya sendiri, pekerja-pekerjanya dan / atau kerja yang akan dikendalikan, di bawah kontrak ini dengan nilai yang mencukupi dan munasabah dan seperti berikut:-

- i) Insurans Pampasan Pekerja dan/atau berdaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
- ii) Insurans Liabiliti awam dan harta benda, dan/atau memastikan Kontraktor telah menepati syarat yang ditetapkan di sini, dan CMI adalah berhak dan boleh menganggap Kontraktor telahpun mematuhi kehendak fasal ini sebaik sahaja Kontrak ini ditandatangani.

Dengan Syarat Lagi Kontraktor hendaklah dan memberi akujanji dan jaminannya di sini untuk membuat pampasan, mengganti rugi, dan/atau mengecualikan CMI dari sebarang tuntutan, perbelanjaan dan pembayaran yang mungkin dituntut oleh pihak ketiga dan/atau mana-mana pihak sekalipun dan yang berpunca daripada kemungkinan Kontraktor berkaitan fasal di sini.



24. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

CMI berhak pada bila-bila masa menamatkan Kontrak ini sekiranya didapati perkhidmatan yang diberi oleh Penyebut Harga tidak memuaskan atau melanggar syarat-syarat Sebut Harga / Perjanjian.



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

BAHAGIAN 3 : SYARAT-SYARAT KHAS SEBUT HARGA

1. TEMPAT DAN TEMPOH PERKHIDMATAN

- 1.1 Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Kawasan yang diperlukan adalah di Pusat Harmoni sahaja.
- 1.2 Tempoh perkhidmatan yang dikehendaki adalah selama dua (2) tahun **berkuatkuasa pada Jun 2019 sehingga Mei 2021.**

2. SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN

2.1 Kawasan Perkhidmatan

- 2.1.1 Pihak syarikat dikehendaki untuk membersihkan bangunan dan kawasan sekeliling Pusat Harmoni Pinang seperti berikut :
 - i. Bilik / Ruang Pejabat
 - ii. Ruang di Tingkat Bawah
 - ii. Dewan Serbaguna
 - iii. Tempat Letak Kereta
 - iv. Padang / Halaman di hadapan dan belakang bangunan
- 2.1.2 Syarikat dikehendaki menyediakan seorang penyelia yang berupaya untuk menjadi perantara di antara CMI. Penyelia tersebut juga hendaklah memastikan semua pekerja yang menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan teratur dan sempurna sepertimana dikehendaki oleh CMI.
- 2.1.3 Syarikat dikehendaki untuk menyediakan pekerja bertaraf warganegara Malaysia, berkemampuan, berkebolehan dan dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan sempurna seperti berikut:
 - i. Bebas dari sebarang rekod jenayah;
 - ii. Berada pada tahap kecergasan / ketahanan yang tinggi;
 - iii. Mempunyai kesungguhan serta keinginan dalam memastikan kawasan, bangunan dan infrastruktur sentiasa berada dalam keadaan bersih dan terjaga.



2.2 Bilangan Pekerja

Syarikat perlu menyediakan dua (2) orang pekerja di Pusat Harmoni

2.3 Hari dan Jam Bekerja

2.3.1 Hari bekerja hendaklah pada hari Isnin hingga Jumaat.

2.3.2 Pencucian hendaklah dilakukan setiap hari sepanjang tahun. Pekerja-pekerja yang ditugaskan di setiap kawasan hendaklah diberi arahan sepenuhnya oleh Kontraktor tentang bila kerja pencucian boleh dijalankan

2.3.3 Waktu kerja hendaklah mengikut waktu operasi Pusat Harmoni kecuali ditetapkan sebaliknya oleh Kerajaan Negeri.

2.4 Disiplin

2.4.1 Syarikat bertanggungjawab ke atas kelakuan dan disiplin kakitangannya. Kawasan Pusat Harmoni tidak dibenarkan digunakan oleh pekerja bagi apa-apa tujuan tanpa kebenaran CMI.

2.4.2 Pekerja mestilah berkelakuan baik dan jujur serta memberi perkhidmatan secara professional. Mana-mana pekerja yang berkelakuan tidak disenangi / tidak diingini CMI boleh diarah keluar dari kawasan Pusat Harmoni dan tidak akan dibenarkan bertugas lagi.

2.5 Tanggungjawab Syarikat

2.5.1 Syarikat adalah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Keselamatan semua harta benda yang terdapat di Pusat Harmoni;
- ii. Apa-apa Kerosakan kepada harta kepunyaan Kerajaan Negeri, penyewa-penyewa lain atau orang-orang lain atau wujudnya kacau ganggu atau penyalahgunaan kemudahan-kemudahan, kos sebenar bagi mengganti atau ganti rugi hendaklah dibayar dengan pemotongan harga perjanjian atau sekuriti deposit ;
- iii. Kontraktor dan pekerja-pekerja hendaklah menggunakan bekalan air dan elektrik itu hanya untuk pelaksanaan kontrak dan hendaklah berjimat cermat bagi mengelakkan pembaziran.
- iv. Kehilangan atau kerosakan kunci-kunci yang telah diserahkan kepada syarikat dalam jagaannya bagi tujuan memberi



perkhidmatan pembersihan dan kos kerugian tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat; dan

2.6 Pakaian Seragam

Semua pekerja-pekerja yang mana diambil bekerja oleh Kontraktor hendaklah menggunakan pakaian seragam yang sesuai. Semua atau mana-mana pekerja yang diambil di masa tempoh perjanjian ini hendaklah berpakaian seragam di dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pengambilan semasa menjalankan tugas bagi tujuan perjanjian ini.

2.7 Papan Tanda Yang Sempurna

Papan tanda amaran yang sesuai dan hadangan hendaklah diletakkan atau dipasang dan dikendalikan oleh Kontraktor sepanjang kerja-kerja dijalankan bila mana kerja-kerja tersebut mungkin berbahaya kepada keselamatan pengguna.

2.8 Bahan Dan Peralatan

Semua bahan kimia, serbuk dan agen pencuci yang digunakan oleh Kontraktor hendaklah diluluskan kegunaannya oleh Kerajaan Negeri sebelum kerja-kerja dimulakan. Sebarang perubahan kepada senarai bahan yang diluluskan atau bahan tambahan hendak digunakan, ianya hendaklah diberitahu dan mendapat kelulusan Kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum boleh digunakan.

3. SPESIFIKASI KERJA DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 Perkhidmatan Harian

- 3.1.1 Menyapu, mengilap dan mop semua cermin, lantai, dinding di kesemua bilik / ruang di bangunan
- 3.1.2 Mengelap semua *door-knobs*, *handles* dan lain-lain peralatan logam dan elektrik.
- 3.1.3 Membekal plastik sampah dan membuang sampah dari tong-tong sampah ke tong utama yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.1.4 Membersihkan tandas-tandas di seluruh bangunan Pusat Harmoni dari semasa ke semasa serta memastikan cecair basuh tangan, ubat gegat, kertas tisu dan pewangi disediakan di setiap tandas.
- 3.1.5 Menyapu daun kering dari tempat letak kenderaan, longkang, padang dan membuang sampah dari tong sampah ke tong utama.



Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni

3.1.6 Mengelap semua kerusi dan meja yang berada di dalam bangunan Pusat Harmoni dari semasa ke semasa.

3.1.7 **Mengasingkan sampah mengikut kategori iaitu:**

- a. Bahan yang boleh dikitar semula (kertas / plastik / dan lain-lain) dan;
- b. Bahan yang tidak boleh dikitar semula (baki sisa termasuk sisa makanan)
- c. Menyediakan tong sampah yang bersesuaian bagi tujuan pengasingan sisi di punca / kitar semula.

3.2 Perkhidmatan Mingguan

3.2.1 Membersihkan ruang dan sudut-sudut daripada sawang / sarang labah-labah atau kekotoran di semua bangunan.

3.2.2 Membersih dan mengilatkan semua lantai.

3.2.3 Jam dinding, lampu, kipas dan perhiasan dilap dan dicuci.

3.2.4 Mencuci dan mengeluarkan kesan kotoran pada dinding dan lantai apabila perlu.

3.2.5 Mengelap telefon dan disembur pewangi dua (2) kali seminggu

3.2.6 Membersih bingkai, gambar dan papan-papan tanda.

3.2.7 Mengelap semua meja, kabinet, rak kayu, kabinet besi daripada debu-debu

3.2.8 Menyelenggara pokok bunga, menyiram, membaja, dan meracun rumput pagar di kawasan sekeliling bangunan Pusat Harmoni.

3.3 Perkhidmatan Bulanan

3.3.1 Mencuci kipas angin berkaki, dinding dan lekapan siling.

3.3.2 Kawasan berkarpet di syampoo setiap tiga (3) bulan

3.3.3 Kawasan berlantai di buffing, dipolish dan disembur dengan vanish

3.3.4 Lantai jenis vinyl tile dikilatkan tiga (3) bulan sekali

4. HAL-HAL LAIN

4.1 Semua arahan tambahan yang diberi secara bertulis atau lisan oleh CMI atau Kakitangan Pusat Harmoni hendaklah dipatuhi



Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni

- 4.2 Pada bila-bila masa apabila tambahan pekerja diperlukan oleh CMI, maka syarikat hendaklah mematuhi kehendak tersebut dan kadar bayaran yang akan dibayar oleh CMI adalah seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.



Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni

LAMPIRAN C



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

PENGESAHAN PENYEBUTHARGA

Syarat-syarat Sebut Harga seperti di LAMPIRAN A dan B telah dibaca dan saya / syarikat ini bersetuju dengan syarat-syarat tersebut.

	Setuju	Tidak Setuju
i) LAMPIRAN A : Syarat-Syarat Am Sebut Harga	☐	☐
ii) LAMPIRAN B : Syarat-Syarat Khas Sebut Harga	☐	☐

Nota: Sila tandakan (✓) di ruangan berkaitan

.....
Tandatangan & Cop Syarikat

Nama Penuh :

No. K/P :

Alamat :



Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni

LAMPIRAN D



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

PELAN TAPAK



No. 15, Jalan Scotland
Bandaraya Georgetown
Daerah Timur Laut
10450 Pulau Pinang



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA

1. Nama Wakil Penyebut Harga : _____
2. Nama Syarikat Penyebut Harga : _____
3. Alamat Pejabat (Ibu Pejabat) : _____

4. Alamat Pejabat (Cawangan) : _____

5. No. Telefon (Pejabat) : _____
6. No. Telefon (Bimbit) : _____
7. No. Faks : _____
8. No. Pendaftaran Syarikat : _____
(sertakan salinan sijil)
9. No. Pendaftaran Kementerian : _____
Kewangan (sertakan salinan sijil)
10. No. Lesen Kementerian Dalam : _____
Negeri (sertakan salinan sijil)
11. Profil Syarikat : _____
(Sila sertakan Profil Syarikat dan : _____
Carta Organisasi Syarikat)

a. Syarikat ini merupakan syarikat kepunyaan tunggal ()



Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni

b. Syarikat ini merupakan syarikat perkongsian ()

c. Syarikat ini merupakan Sendirian Berhad / Syarikat Berhad ()

(*sila tanda (✓) di bahagian yang berkenaan)

12. Butir-Butir Pemilikan (Ownership)

12.1 Perseorangan :

a. Nama Pemilik : _____

b. No. K/P : _____

12.2 Perkongsian :

a. Senarai nama pekongsi adalah seperti berikut:

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	Alamat Syarikat	% Kongsian

(sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

12.3 Sendirian Berhad / Berhad

a. Senarai nama Pemegang Saham adalah seperti berikut :

Nama Pemegang Saham	No. Kad Pengenalan	Alamat Syarikat	% Bahagian

(sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)



Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni

b. Senarai nama Ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut :

Nama Pekongsi	No. Kad Pengenalan	Alamat Syarikat	% Bahagian

(sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

13. Pengalaman Syarikat dalam bidang pembersihan bangunan dan kawasan sahaja (boleh menggunakan kertas tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi):

13.1 Kerajaan :

Nama Kontrak	Jabatan	Nilai Kontrak (RM)	Tarikh Perkhidmatan		Tempoh	Nama & No. Telefon Pegawai / Agensi untuk dirujuk
			Mula	Tamat		

13.2 Swasta :

Nama Kontrak	Jabatan	Nilai Kontrak (RM)	Tarikh Perkhidmatan		Tempoh	Nama & No. Telefon Pegawai / Agensi untuk dirujuk
			Mula	Tamat		

14. Senarai kontrak semasa dalam bidang pembersihan bangunan dan kawasan sahaja (boleh menggunakan kertas tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi) :



Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni

14.1 Kerajaan :

Nama Kontrak	Jabatan	Nilai Kontrak (RM)	Tarikh Perkhidmatan		Tempoh	Nama & No. Telefon Pegawai / Agensi untuk dirujuk
			Mula	Tamat		

14.2 Swasta :

Nama Kontrak	Jabatan	Nilai Kontrak (RM)	Tarikh Perkhidmatan		Tempoh	Nama & No. Telefon Pegawai / Agensi untuk dirujuk
			Mula	Tamat		

15. Kedudukan Kewangan : Maklumat kewangan syarikat saya / kami adalah seperti berikut:

- a) Penyata Bank ()
- b) Pemberian Overdraf ()
- c) Pemberian Pinjaman Modal (jika ada) ()
- d) Lain-lain (sila nyatakan jika ada)

Syarikat yang tidak menyertakan sebarang dokumen untuk membuktikan kedudukan kewangan syarikat tidak akan dipertimbangkan.

16. Modal Syarikat : (isi mana yang berkenaan sahaja)

16.1 Perseorangan / Perkongsian : RM_____

16.2 Sendirian Berhad (Sdn Bhd) / Berhad (Bhd) :

Modal Dibenar : RM_____

Modal Dibayar : RM_____



Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang dikemukakan di atas adalah benar. Saya juga menyedari sekiranya didapati maklumat-maklumat yang diberikan ini adalah palsu atau tidak benar, maka Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap saya dan syarikat yang saya wakili di bawah apa-apa undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Tandatangan :

Nama Penyebut Harga :

Nombor Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

JADUAL TAWARAN HARGA

ASAS PERKIRAAN HARGA (COSTING) PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN
DAN KAWASAN PUSAT HARMONI
BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN

Jumlah Pekerja : _____ (wajib diisi)

Bil	Butir-Butir	Kadar Harga Sebulan (RM)
1	Gaji Pekerja @ sebulan RM _____ x _____ orang	
3	Caruman KWSP 13% daripada jumlah gaji pekerja RM _____ x _____ orang	
4	Caruman PERKESO 1.85% daripada jumlah gaji pekerja RM _____ x _____ orang	
5	Purata kos bahan	
6	Purata kos mesin dan peralatan	
7	Kos penyelenggaraan mesin	
8	Kos pentadbiran dan keuntungan	
9	Jumlah Kecil Kos Sebulan (Jumlah No. 1 hingga No. 8)	
10	Cukai GST / CBP (6% daripada Jumlah No. 9)	
11	Jumlah Sebenar Kos Sebulan termasuk Cukai Perkhidmatan (Jumlah No. 9 dan No. 10)	
12	Jumlah Keseluruhan bagi tempoh 24 bulan. (Jumlah No. 11 x 24 bulan)	

Disediakan oleh :

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

Disahkan oleh :

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :



LAMPIRAN G

**SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN
DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUTHARGA**

Nama Syarikat :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Kepada : Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)
Tingkat 47, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

Tuan,

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebutharga termasuk arahan yang mengkehendaki kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang dipelawa. Justeru itu, Sebut Harga kami akan hanya dipertimbangkan untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Sebut Harga untuk dipersetujui sekiranya kami didapati layak untuk mengambil bahagian dalam Sebut Harga ini mengikut penilaian tuan berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen untuk melengkapkan dokumen Sebut Harga sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk melayakkan kami memasuki Sebut Harga ini.
4. Kami mengaku bahawa semua maklumat dan data yang kami sertakan bersama-sama dengan borang Sebut Harga adalah semuanya BENAR dan SAH pada semua segi. Kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh pihak tuan terhadap kami, sekiranya mana-mana maklumat, data-data atau dokumen yang kami berikan adalah didapati tidak benar atau palsu.
5. Kami mengambil maklum dan sedar bahawa Sebut Harga kami akan ditolak (*disqualified*) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan mana-mana dokumen yang diperlukan untuk melayakkan kami memasuki Sebut Harga ini.
6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Kerajaan, Jabatan Kerajaan, Bank dan Institusi Kewangan lain, dan lain-lain atau mana-mana firma atau individu yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh pihak tuan untuk menyemak maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat



Sebut Harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Pusat Harmoni

tambahan. Walau bagaimanapun, kami tetap bertanggungjawab di atas semua maklumat dan dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

Yang benar,

.....
(Tandatangan Penyebutharga)

Tarikh :

Nama Penuh :

No.Kad Pengenalan :

Jawatan :



SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI PUSAT HARMONI

Saya,nombor K.P. yang mewakilinombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / Sebut Harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / Sebut Harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- i) penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / Sebut Harga* di atas; atau
- ii) penamatan kontrak bagi tender / Sebut Harga* di atas; dan
- iii) lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / Sebut Harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat:

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan



SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI PUSAT HARMONI

Saya, nombor K.P. yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender / Sebut Harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender / Sebut Harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- i) penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ Sebut Harga* di atas; atau
- ii) penamatan kontrak bagi tender/ Sebut Harga* di atas; dan
- iii) lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender / Sebut Harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat:

*Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan*



LAMPIRAN I

DOKUMEN SOKONGAN WAJIB

Dokumen sebutharga mestilah dilampirkan dengan dokumen dan maklumat seperti berikut :

- i. Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- ii. Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia termasuk maklumat kod bidang yang masih sah laku.
- iii. Profail ringkas mengenai syarikat terutama pengalaman dalam bidang berkaitan.
- iv. Penyata bank terkini bagi 3 bulan (Januari, Februari dan Mac 2019).
- v. Surat Setuju Terima / Surat Tawaran (dalam tempoh lima tahun) yang berkaitan sebagai dokumen sokongan wajib bagi pengalaman kerja.

Catatan : * Potong mana yang tidak berkaitan